



27 DEC, 2022

Pupuk minat STEM dari sekolah rendah

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Pupuk minat STEM dari sekolah rendah

Wan Nur
Ezra Syakirah
Mayizan,
Tanjung Malim

Perkataan STEM diperkenalkan oleh National Science Foundation (NSF) yang sebenarnya berasal daripada perkataan 'SMET'. Secara umumnya, STEM adalah singkatan kepada bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik.

Dalam meniti dunia teknologi semakin canggih dan mendesak, bidang STEM amatlah penting bagi melahirkan modal insan mahir dan menjadi teras dalam Industri 4.0.

Bagaimanapun, negara kita kekurangan bilangan pelajar yang menceburi bidang STEM sehingga mampu menjajaskan peluang Malaysia berada dalam senarai negara termaju di dunia.

Ketika ini seperti yang dilaporkan media, kecenderungan dan minat pelajar yang menguasai bidang STEM masih statik, iaitu sekitar 20 peratus. Kadar ini masih rendah berbanding sasaran 30 peratus yang ditetapkan kerajaan. Perkara ini berlaku kerana pelajar tidak diberi pendedahan awal berkaitan bidang STEM. Hal ini disebabkan tanggapan umum yang menyebut bidang STEM rumit dan sukar untuk diceburi apabila sudah berada pada peringkat universiti.

Dalam hal ini meluntur buluh biarlah dari rebungnya, jadi pendedahan kepada STEM perlu di-

mulakan sejak peringkat sekolah rendah.

Sehingga 2021, statistik Kementerian Pendidikan (KPM) menunjukkan bilangan pelajar yang mendaftar dalam bidang STEM di institusi pengajian tinggi (IPT) adalah 334,742, manakala sebanyak 570,858 pelajar mendaftar dalam bidang bukan sains.

Statistik ini bercanggah dengan perancangan Kementerian Pengajian Tinggi serta sasaran yang ditetapkan oleh KPM dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 untuk mencapai nisbah 60:40 antara pelajar sains dan bukan sains.

Ibu bapa main peranan

Oleh itu, KPM perlu memfokuskan pendidikan STEM bermula di sekolah rendah melalui aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Sehubungan itu, KPM mewujudkan Persatuan Guru STEM Malaysia bagi melahirkan lebih ramai guru sekolah yang mempunyai ilmu pengetahuan mengenai STEM. Ini penting untuk melahirkan generasi muda yang lebih berkemahiran.

Dalam hal ini kita melihat, syarikat terkenal seperti PETRONAS turut menyumbang dalam usaha memupuk semangat STEM dalam kalangan kanak-kanak. PETRONAS bekerjasama bersama

Petrosains misalnya menjalankan pelbagai program berkenaan STEM. Bukan itu sahaja, PETRONAS turut membina dua buah pusat sains di Ta-wau dan Sandakan, Sabah yang dijangka siap pada 2024 dan membabitkan kos RM10.2 juta

Pusat Sains ini boleh dijadikan satu platform bagi mendekatkan jiwa kanak-kanak untuk mengenal dan mendalami ilmu STEM menerusi kaedah pemerhatian.

Namun, usaha yang dijalankan itu ibarat tiada erti bagi seorang kanak-kanak jika tiada sokongan daripada ibu bapa. Ibu bapa memainkan peranan besar dalam membentuk minat dan hala tuju seorang anak.

Ibu bapa perlulah menggalakkan anak untuk menyertai sebarang program, karnival atau pertandingan berkaitan STEM bagi memupuk rasa cinta kepada bidang ini. Ia boleh dibuat dengan menggalakkan anak menyertai pelbagai aktiviti berkaitan STEM.

Namun, selain ibu bapa dan syarikat swasta usaha menanam minat dalam bidang STEM ini sebenarnya perlu dibuat secara bersama sebagai sebuah masyarakat. Kita memerlukan lebih ramai pakar STEM untuk memacu Malaysia sebagai sebuah negara maju.



27 DEC, 2022

Pupuk minat STEM dari sekolah rendah

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Perkataan STEM diperkenalkan oleh National Science Foundation (NSF) yang sebenarnya berasal daripada perkataan 'SMET'. Secara umumnya, STEM adalah singkatan kepada bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik. Dalam meniti dunia teknologi semakin canggih dan mendesak, bidang STEM amatlah penting bagi melahirkan modal insan mahir dan menjadi teras dalam Industri 4.0. Bagaimanapun, negara kita kekurangan bilangan pelajar yang menceburi bidang STEM sehingga mampu menjejaskan peluang Malaysia berada dalam senarai negara termaju di dunia.